

Siri Kuliah Sumber Manusia

# **KEMUDAHAN PERUBATAN: KETAHUI KELAYAKAN ANDA**

18 JULAI 2022 (ISNIN) | 10.00 AM

Penceramah:  
Pn. Nurnasuha binti Alwi  
Penolong Pendaftar  
Unit Perubatan & Kemudahan Staf  
Bahagian Pengurusan Organisasi, Jab. Pendaftar




# OBJEKTIF

Memberi penerangan berkaitan peraturan serta faedah / kemudahan perubatan bagi staf dan tanggungan serta pesara yang digunapakai di UTM



# STRUKTUR ORGANISASI JABATAN PENDAFTAR



# ISI KANDUNGAN

- 01 Rujukan
- 02 Tafsiran & Kelayakan
- 03 Sumber Rawatan
- 04 Rawatan yang Ditanggung & Tidak Ditanggung
- 05 Kemudahan Rawatan di Klinik Panel
- 06 Kemudahan Rawatan di Pusat Kesihatan Universiti (PKU)
- 07 Kemudahan Rawatan di Hospital Pakar Mata Tun Hussein Onn
- 08 Kemudahan Rawatan Pergigian
- 09 Kemudahan Pembiayaan Pembelian Cermin Mata
- 10 Tatacara Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan
- 11 Caj Wad

# I.O RUJUKAN

01



**Perintah Am Bab F 1974**

02



**Pekeliling Perkhidmatan Bil. 21/2009  
(Tidak merangkumi rawatan pergigian,  
klinik panel dan Pusat Kesihatan UTM)**

03



**Skim Perkhidmatan Perubatan Staf UTM  
(Pindaan 2014)  
(Merangkumi rawatan pergigian,  
perkhidmatan klinik panel dan Pusat  
Kesihatan UTM)**



## 2.0 TAFSIRAN & KELAYAKAN

# I. STAF & TANGGUNGAN

- Staf yang dilantik secara tetap dan kontrak lantikan universiti, kecuali staf kontrak/sementara lantikan Tabung dan tertakluk kepada syarat pelantikan
- Warganegara Malaysia
- Tanggungan bermaksud suami, isteri, anak-anak dan ibu bapa yang berkelayakan

## II. ANAK

- Anak Kandung
- Anak Tiri
- Anak Angkat yang sah dari segi undang-undang  
(diperakukan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Pesuruhjaya Sumpah; atau diperakukan oleh Pesuruhjaya Sumpah jika anak tersebut diambil dari individu)



## II. ANAK

- 18 tahun dan ke bawah ; atau
- 21 tahun dan ke bawah, jika masih bersekolah
- Tidak melebihi umur 24 tahun, belum berkahwin dan sedang menuntut sepenuh masa di peringkat ijazah pertama, layak mendapat kemudahan rawatan di klinik panel dan Pusat Kesihatan Universiti sahaja (dengan syarat telah dikemaskini dalam UTMHR oleh PSM)
- **Anak yang daif** yang mengalami kelemahan otak atau jasmani (OKU) **had umur ini tidak terpakai**

### III. IBU BAPA

- Ibu Bapa Kandung; atau
- Ibu Bapa Tiri; atau
- Ibu Bapa Angkat yang pertaliannya sah di sisi undang-undang iaitu ibu bapa yang mengambil anak angkat yang sah dari segi undang-undang.
- Bermastautin di Malaysia sahaja
- Dimaklumkan secara rasmi kepada Ketua Jabatan dan didaftarkan dalam Sistem UTMHR.

### III. IBU BAPA

- Kemudahan perubatan kepada ibu bapa yang sah adalah dibenarkan selagi seorang pegawai masih di dalam perkhidmatan kerajaan sahaja.
- Kelayakan wad berdasarkan kelayakan pegawai
- Kemudahan yang **TIDAK** dibenarkan kepada

Ibu Bapa yang sah adalah :

- Rawatan perubatan di luar negara
- Rawatan bagi tujuan pencegahan penyakit
- Pembekalan semua jenis/kategori alat
- Rawatan Kosmetik
- Rawatan pergigian
- Rawatan di Klinik Panel

## IV. PESARA & PASANGAN/TANGGUNGAN

- Layak PKU bagi Pesara, Pasangan, Balu (selagi tidak berkahwin semula)
- Layak Hospital Kerajaan bagi Pesara, Pasangan, Balu (selagi tidak berkahwin semula) & anak-anak yang berkekelayakan

# 3.0 SUMBER RAWATAN

Staf / Pesara UTM dan tanggungan layak mendapat kemudahan rawatan di tempat berikut:

01

Hospital /  
Klinik  
Kerajaan

02

Pusat Kesihatan  
Universiti (PKU)

03

Klinik Panel  
& Pergigian

04

Insititut Jantung  
Negara

05

Hospital  
Swasta  
(tertakluk syarat)

06

Pusat Dialisis

07

Rawatan  
kemandulan  
(LPPKN)

08

Hospital Pakar  
Mata Tun  
Hussein Onn



**4.0 RAWATAN  
YANG DITANGGUNG  
&  
TIDAK DITANGGUNG**

# RAWATAN YANG DITANGGUNG

## Semua perkhidmatan rawatan di Hospital Kerajaan

Namun begitu, ada kemudahan perubatan memerlukan permohonan perbelanjaan dibuat tertakluk syarat kerana kemudahan tersebut tidak dapat dibekalkan di hospital kerajaan



## Perbelanjaan Perubatan yang bagaimana layak dipohon?

A

Pembekalan Ubat, Alat, Perkhidmatan Perubatan dan Rawatan Penyakit Buah Pinggang

B

Rawatan Kemandulan

C

Rawatan Kepakaran

D

Rawatan di Institut Jantung Negara

E

Rawatan Kecemasan

F

Rawatan di Luar Negara

## A. Pembekalan Ubat, Alat, Perkhidmatan Perubatan dan Rawatan Penyakit Buah Pinggang

- i. Mendapat rawatan di hospital/klinik kerajaan; dan
- ii. Kemudahan perubatan yang diperlukan tidak dapat dibekal/disediakan oleh hospital/klinik kerajaan; dan
- iii. Perakuan keperluan kemudahan perubatan dan pengesahan oleh pegawai perubatan Kerajaan mengenai perkara di perenggan (ii) di atas; dan
- iv. Permohonan diluluskan oleh Universiti



## A. Pembekalan Alat

01

Alat Ortopedik

02

Anggota Palsu

03

Kerusi Roda

04

Alat Bantuan Pendengaran

05

Alat Rawatan Jantung, Alat Bantuan Pernafasan, Koklea Implan, Colostomy Bag, Urine Bag dan Intraocular Lens

06

Alat lain selain alat yang dinyatakan

## Rawatan Penyakit Buah Pinggang

- Kelulusan diberi sekali seumur hidup
- Disahkan oleh Pakar Nefrologi Kerajaan dan mengesahkan ia tidak dapat dibekalkan oleh Hospital Kerajaan
- Had maksimum sebanyak RM200.00 bagi setiap sesi rawatan dialisis dan suntikan *Erythropoietin* berjumlah RM80.00 sahaja
- Perbelanjaan Pembedahan AV Fistula Yang Dirujuk Oleh Pakar Nefrologi Kerajaan

## B. Rawatan Kemandulan

- i. Mendapat rawatan di klinik LPPKN atau hospital kerajaan; dan
- ii. Rawatan primary infertility sahaja; dan
- iii. Pengesahan oleh pakar perubatan LPPKN dan hospital kerajaan mengenai (ii) di atas
- iv. Permohonan diluluskan oleh Universiti

Infertiliti Primer : Pasangan yang tidak pernah melahirkan anak setelah berhubungan dalam tempoh 2 tahun sekiranya berumur di bawah 35 tahun, atau tempoh satu tahun untuk yang berumur melebihi 35 tahun tanpa menggunakan sebarang kontraseptif.



## C. Rawatan Kepakaran

- i. Mendapat rawatan di hospital Kerajaan; dan
- ii. Rawatan kepakaran berkenaan tidak diperolehi di hospital Kerajaan; dan
- iii. Pengesahan oleh Pakar Perubatan hospital Kerajaan bahawa rawatan kepakaran diperlukan dan boleh diperolehi di dalam negara; dan
- iv. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Perubatan 1/09; dan
- v. Permohonan diluluskan oleh Universiti



## D. Rawatan di Institut Jantung Negara (IJN)

- i. Mendapat rawatan di hospital Kerajaan atau swasta; dan
- ii. Dirujuk oleh Pakar Perubatan hospital Kerajaan atau swasta ke IJNSB; dan
- iii. Sertakan surat rujukan daripada Pakar Kardiologi atau Pakar Perubatan Umum atau Pakar Perubatan Kecemasan
- iv. Semua permohonan hendaklah menggunakan Borang Perubatan 1/09 atau Borang Perubatan 2/09; dan
- v. Permohonan diluluskan oleh Universiti



**\*\*“GUARANTEE LETTER” IJN hanya boleh dikeluarkan oleh BPO, JABATAN PENDAFTAR**

## E. Rawatan Kecemasan

Permohonan perbelanjaan bagi rawatan kecemasan yang diperolehi di hospital swasta:

- Kes kecemasan sahaja, iaitu rawatan yang diperlukan serta merta dan tidak boleh dilengahkan bagi menyelamatkan nyawa pesakit
- Sekiranya jarak di antara tempat kejadian kecemasan dengan hospital swasta dengan hospital kerajaan adalah sama, pesakit hendaklah mendapatkan rawatan di hospital kerajaan.
- Kos yang ditanggung adalah kos rawatan bagi tempoh kecemasan sehingga pesakit stabil dan boleh dipindahkan ke hospital kerajaan.
- Permohonan perbelanjaan rawatan kecemasan hendaklah disertakan dengan laporan klinikal terperinci daripada pakar perubatan hospital swasta yang merawat pesakit



## F. Rawatan di Luar Negara

- i. Permohonan perbelanjaan bagi rawatan di luar negara mendapat rawatan di hospital kerajaan; dan
- ii. Rawatan khas diperlukan oleh pesakit dan ia tidak dapat diperolehi di dalam negara; dan
- iii. Pengesahan oleh Lembaga Perubatan mengenai perkara di perenggan (ii) di atas; dan
- iv. Perakuan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia bahawa rawatan yang diperlukan oleh pesakit tiada pada hospital Kerajaan; dan
- v. Permohonan diluluskan di peringkat Universiti

### KOS YANG DITANGGUNG

1. Kos rawatan hospital
2. Kos sara hidup tidak melebihi 5 hari setelah sampai & sebelum pulang
  - Termasuk kos pengiring sekiranya diperaku lembaga perubatan)
3. Tambang k/terbang kelas ekonomi pergi & balik
  - Termasuk kos pengiring sekiranya diperaku lembaga perubatan

### KOS YANG TIDAK DITANGGUNG

1. Bayaran Wad
2. Lain-lain bayaran seperti makanan, dobi, katil pengiring dan sebagainya

# RAWATAN YANG TIDAK DITANGGUNG

01

Pembekalan makanan tambahan (food supplement) walaupun disokong oleh Pegawai Perubatan Kerajaan

02

Permohonan alat pendengaran bagi tujuan menggantikan bateri

03

Permohonan perbelanjaan untuk pembekalan alat pakai buang

04

Pembekalan semua jenis/kategori alat untuk ibu bapa/untuk ganti yang rosak akibat kecuai/baik pulih alat untuk tujuan kosmetik

05

Rawatan bagi pencegahan penyakit

06

Rawatan perubatan dan pembedahan dengan tujuan ritual dan kosmetik seperti rawatan jerawat dan berkhatan

07

Rawatan perubatan luar negara untuk ibu bapa

08

Pembelian kanta lekap

09

Rawatan pergigian buat 'crowning', gigi palsu, rawatan braces bagi tujuan rawatan kecantikan

## 5.0. Kemudahan Rawatan di Klinik Panel

- Kelayakan – staf tetap, pasangan, anak-anak
- Dua (2) pilihan klinik panel sahaja. Jika suami isteri merupakan staf UTM, hanya dibenarkan 2 pilihan klinik panel sahaja bagi pasangan tersebut.
- Tidak dibenar tukar klinik kurang dari 6 bulan
- Staf perlu mengistiharkan / mengemaskini maklumat keluarga/tanggungian sebelum mendapatkan rawatan melalui sistem HRFin
- 63 klinik di JB, 38 klinik di KL, 4 klinik di Pagoh ( Bilangan bagi tahun 2017-2022)



## Rawatan di Klinik Panel

<b>RAWATAN YANG DITANGGUNG (Klinik Panel)</b>	<b>RAWATAN YANG TIDAK DITANGGUNG (Klinik Panel)</b>
1. Rawatan dan Ubatan	1. Rawatan / perundingan setaraf Doktor pakar
2. Pemeriksaan Kesihatan	2. Rawatan bersalin
3. Perkhidmatan Perancang Keluarga	3. Bius selain bius setempat
4. Rawatan Penyakit Kronik	4. Rawatan ritual dan kosmetik
5. Ujian makmal	5. Test kit
6. Pemeriksaan Ibu Mengandung	6. Imunisasi selain ATT dan Imunisasi wajib atas arahan/kelulusan Universiti
7. Lain-lain pemeriksaan	7. Vitamin, mineral dan diet tambahan
8. Imunisasi wajib kanak-kanak	8. Rawatan di klinik panel bukan pilihan/tidak mendaftar atau klinik swasta yang lain



## 6.0 Kemudahan Rawatan di Pusat Kesihatan Universiti (PKU)

01

### Pemeriksaan Kesihatan

Atas arahan dan kelulusan  
Universiti  
Atas rujukan doktor

02

### Rawatan Perancang Keluarga

Pil dan suntikan

03

### Rawatan Penyakit Kronik

Terhad kepada RM70  
sebulan/penyakit

04

### Pemeriksaan Kesihatan Ibu & Kanak2

Ultrasound 2 kali sepanjang kehamilan  
Imunisasi wajib bagi kanak-kanak  
sehingga berumur 2 tahun

05

### Kemudahan Makmal

Ujian makmal (darah, air  
kencing) atas rujukan doctor  
yang merawat  
X ray

06

### Wad Pemerhatian

Kemudahan wad pemerhatian

07

### Kemudahan Ambulans

Kecemasan dalam lingkungan  
25 kilometer daripada UTM

08

### Pembedahan Kecil

Bius setempat

## 7.0 KEMUDAHAN RAWATAN DI HOSPITAL PAKAR MATA TUN HUSSEIN ONN



**Semua Kos Perkhidmatan Di  
Hospital Mata Tun Hussien Onn  
Ditanggung Sekiranya Pakar  
Perubatan Hospital Kerajaan  
Memperakukan Rawatan  
Tersebut Tidak Terdapat Di  
Hospital Kerajaan**

## 8.0 KEMUDAHAN RAWATAN PERGIGIAN

- Pemeriksaan & diagnosa
- Ubat-ubatan
- Rawatan bengkak gusi
- Cabutan & tampalan gigi
- Cuci gigi
- Mematikan saraf gigi
- Pembedahan kecil mulut
- X-ray

**TERHAD RM500/ KELUARGA  
SEORANG STAF SETAHUN**

**Rawatan yang TIDAK  
ditanggung**

- Gigi Palsu
- Crown
- Inlay/outlay
- Implant
- Bridge
- Orthodontik
- Rawatan Kosmetik Gigi

## 9.0 KEMUDAHAN PEMBIAYAAN PEMBELIAN CERMIN MATA



**KEMUDAHAN PEMBIAYAAN PEMBELIAN CERMIN MATA STAF UTM**

Kemudahan ini dibuka kepada staf UTM berkelayakan yang memilih untuk menggunakan peruntukan pembiayaan pergigian untuk membeli cermin mata tertakluk kepada terma dan syarat

Kelayakan tuntutan pembelian cermin mata TERPAKAI sekiranya kemudahan pergigian masih belum digunakan pada tahun berkenaan

Kemudahan pembiayaan cermin mata layak diuntut selepas 3 TAHUN tuntutan cermin mata dibuat

Tarikh Kuatkuasa adalah pada **1 JULAI 2021**

Had maksimum yang ditanggung Universiti **RM500**

Tuntutan hanya boleh dibuat bagi salah satu kemudahan sama ada pergigian **ATAU** cermin mata pada tahun berkenaan

Kos yang ditanggung **TIDAK** termasuk kanta lekap (contact lens) dan cermin mata hitam (sunglass)

**KELAYAKAN PERMOHONAN**

Staf **TETAP** sahaja tidak termasuk tanggungan

**CONTOH SIMULASI**

Tahun	Peristiwa
2021	GIGI / CERMIN MATA
2022	GIGI
2023	GIGI
2024	GIGI / CERMIN MATA
2025	GIGI
2026	GIGI
2027	GIGI / CERMIN MATA

**KAEDAH PERMOHONAN**

1. Kaedah pembiayaan adalah secara **Pay and Claim**
2. Pemohon mengemukakan tuntutan dengan mengisi borang Pengesahan Pembelian Cermin Mata: **JP-F57**
3. Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah diserahkan dengan Resit asal (original)
4. Permohonan hendaklah dihantar ke Unit Perubatan dan Komoditi Staf. BPO tidak lewat 3 bulan dari tarikh pembelian

Sebarang pertanyaan berkenaan tuntutan pembiayaan pembelian Cermin Mata boleh hubungi **Pn Noor Amalina binti Abu Bakar** di talian **07-5530130** | BAHAGIAN PENYURUHAN & BUDIDAYA SARANAN PEMERATAH UTM

- Kemudahan pembiayaan kos pembelian cermin mata daripada peruntukan Rawatan Pergigian RM500.
- Kemudahan ini diberikan kepada **staf tetap sahaja** (tidak termasuk tanggungan).
- Tuntutan hanya boleh dibuat untuk salah satu sahaja iaitu samada rawatan pergigian atau cermin mata sahaja dalam tahun berkenaan.
- Staf hanya boleh menuntut kos pembelian cermin mata setiap tiga tahun iaitu pada tahun keempat selepas tuntutan cermin mata dibuat.



**TATACARA  
PERMOHONAN  
BANTUAN KOS  
PERUBATAN**


# TATACARA




Dapatkan Rawatan  
Hospital / Klinik Kerajaan  
secara PERCUMA



Jika kemudahan yang  
diperlukan tidak dapat  
dibekalkan / disediakan  
oleh hospital / klinik  
kerajaan





Isi Borang Perubatan 1/09



Permohonan diluluskan  
oleh Ketua Jabatan  
(UTM : Pendaftar/JPU)

Permohonan dihantar  
ke Unit Perubatan &  
Kemudaha Staf, BPO,  
Jab. Pendaftar



Dapatkan Perakuan Pegawai  
Perubatan yang merawat

## **JENIS-JENIS BORANG YANG DIGUNAKAN**

Borang boleh diperolehi di  
website Jabatan Pendaftar  
(Bahagian Pengurusan Organisasi)

[https://registrar.utm.my/bpo/services/  
perubatan-staf/](https://registrar.utm.my/bpo/services/perubatan-staf/)



# KELAYAKAN WAD

Kelayakan wad di **Hospital Kerajaan** adalah gred perjawatan seperti berikut:

GRED	KATEGORI WAD
45 - JUSA	Kelas 1 Bilik Seorang
31 - 44	Kelas 1 Bilik Berdua
21 - 30	Kelas 1 Bilik Bertiga
1 - 20	Kelas 2

Kelayakan wad di **Hospital Swasta** (bagi Rawatan Kepakaran / Kecemasan yang memenuhi syarat) adalah seperti berikut:

KELAYAKAN WAD HOSPITAL SWASTA MENGIKUT KUMP. PERKHIDMATAN	KATEGORI WAD
Pengurusan Tertinggi	Kelas 1 Bilik Seorang
Pengurusan & Profesional	Kelas 1 Bilik Berdua
Sokongan	Kelas 1 Bilik Berempat

\*Kos yang ditanggung oleh Universiti adalah **kos rawatan, bayaran makanan sebanyak 80%** dan **bayaran wad 80%** (sekiranya caj berasingan). Sekiranya secara **bersekali**, kos yang akan ditanggung oleh universiti **ialah 80%** sahaja daripada **jumlah keseluruhan bayaran makanan dan bayaran wad** tersebut.

*Dua nikmat yang manusia sering mempersia-siakan yaitu kesihatan dan masa lapang”.*

**Dari Ibnu ‘Abbas r.a , Nabi SAW bersabda:**

***“ Dua nikmat sering manusia lupakan ialah kesihatan dan masa lapang”.***

**(Hadis Sahih Bukhari)**

# THANKS!

Sebarang pertanyaan? Hubungi

Unit Perubatan & Kemudahan Staf  
Bahagian Pengurusan Organisasi

Website : <https://registrar.utm.my/bpo/>

Facebook :

<https://www.facebook.com/registrar.utm>



03-5530412 / 03-5530130

Pn. Nurnasuha Alwi / Pn Noor Amalina / Pn Syazwani /  
Pn Sarimah

